



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

TEKS UCAPAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL
PENGGUNA**

***“MAJLIS PELANCARAN PROGRAM
JUALAN MALAYSIA 2022 - RANCAK
AIDILFITRI”***

26 APRIL 2022 (SELASA)

**DATARAN PARKIR
PUSAT MEMBELI-BELAH AEON (AEON MALL) NILAI
NEGERI SEMBILAN**

Yang Berbahagia Tuan Azman bin Mohd. Yusof
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal
Pengguna (KPDNHEP)

Yang Berbahagia Datuk Roziah binti Abudin
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan
Dalam Negeri)
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna

Yang Berbahagia Datuk Iskandar bin Sarudin
Pengerusi
AEON Co. (Malaysia) Berhad

Wakil-wakil daripada media tempatan

dan seterusnya Tuan-tuan dan Puan-Puan saya kasihi sekalian.

Selamat petang dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan terima kasih atas kesudian Yang Berbahagia Datuk, Datin, Tuan dan Puan hadir ke majlis pada petang yang permai ini untuk bersama-sama memeriahkan pelancaran Program Jualan Malaysia (PJM) Tahun 2022 di bawah segmen Jualan Hari Raya Aidilfitri yang bertemakan **Rancak Aidilfitri** di perkarangan AEON Mall Nilai, Negeri Sembilan ini.
2. Seperti yang kita sedia maklum, sejak hampir dua (2) tahun yang lalu, industri peruncitan di negara ini telah mengalami masa yang sangat mencabar akibat daripada pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Akhirnya pada tahun ini kita dapat melihat suasana perayaan Aidilfitri kembali rancak dan sangat meriah.
3. Suasana kemeriahan dan kerancangan sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini adalah merupakan kesan langsung daripada Fasa Peralihan Endemik yang telah diisytiharkan oleh Kerajaan sejak 1 April 2022 yang lalu.
4. Dibawah Fasa Peralihan Endemik ini, Kerajaan telah memberi lebih banyak kelonggaran kepada pihak industri peruncitan dan pengguna. Penguatkuasaan Prosedur

Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang kita perlu patuhi sepanjang dua tahun yang lepas telah digantikan kepada siri **Garis Panduan *Reopening Safely* atau MyGaris Panduan** sebagai panduan untuk kita hidup dan bekerja secara selamat dengan COVID-19.

5. Secara peribadi, saya amat gembira dengan perkembangan sektor ekonomi di dalam negara pada hari ini. Melalui Fasa Peralihan Endemik ini ianya akan dapat memastikan industri peruncitan “kembali bernafas”. Inilah masa yang terbaik untuk kita semua kembali merencanakan perniagaan masing-masing dengan mengadakan tawaran-tawaran istimewa sempena musim perayaan yang bakal menjelang.
6. Seperti yang kita sedia maklum, sumbangan sektor peruncitan ini adalah sangat signifikan kepada pemulihan ekonomi negara. Suka saya ingin memaklumkan bahawa berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia yang terkini, prestasi Sektor Perdagangan dan Pengedaran bagi bulan Februari 2022 telah merekodkan **nilai jualan berjumlah RM48.8 billion** iaitu **pertumbuhan sebanyak 10.2%** berbanding tahun sebelumnya. Saya percaya pencapaian ini dapat dipertingkatkan lagi dengan sokongan

dan kerjasama semua pihak khususnya pemain industri peruncitan dan rakyat Malaysia amnya.

7. Pencapaian ini juga tentunya didorong oleh pembukaan sektor ekonomi yang lebih menyeluruh dengan disokong oleh perbelanjaan domestik yang cukup di musim perayaan khususnya pada Tahun Baru Cina baru-baru ini. Oleh itu, saya sangat berharap sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini akan dapat merancakkan lagi sumbangan sektor peruncitan kepada ekonomi negara dan dapat menyumbang kepada sasaran nilai jualan sebanyak **RM500 billion menjelang akhir tahun ini.**
8. Saya juga berharap Program Rancak Aidilfitri yang julung kalinya diadakan ini akan dapat menyokong usaha pemulihan ekonomi melalui sektor peruncitan dengan berteraskan konsep **3R** iaitu ***Recovery (pemulihan), Revive (menghidupkan semula)*** dan ***Revitalise (merancakkan)***. Program ini juga merupakan salah satu program yang dirancang dibawah Takwin Program Jualan Malaysia 2020 yang menawarkan jualan murah **“Sepanjang Masa di Seluruh Negara”**
9. KPDNHEP juga melalui berbagai inisiatif berterusan sentiasa meneruskan usaha untuk merancakkan semula aktiviti ekonomi melalui pelaksanaan pelbagai program

seperti Program Jualan Malaysia (PJM) dan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) pada sepanjang bulan Ramadan khusus untuk membantu rakyat menangani mendapatkan barangan asas dan keperluan pada harga yang berpatutan.

10. Bagi segmen barangan keperluan asas, KPDNHEP melaksanakan **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP)** mulai hari ini meliputi **28 jenis barangan asas seperti ayam, telur ayam, hasil laut, barangan kering, sayuran dan daging**. Kementerian tidak menolak kemungkinan untuk memanjangkan skim ini sekiranya ada keperluan.
11. Semoga dengan program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh KPDNHEP ini ianya akan dapat memberi lebih keceriaan kepada semua yang bakal menyambut Hari Raya Aidilfitri tak lama lagi. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengingatkan kepada semua warga pengguna untuk sentiasa berjimat cermat dan tidak membazir dalam kita berbelanja di musim perayaan ini.

Hadirin sekalian,

12. Saya dimaklumkan program Rancak Aidilfitri ini telah bermula sejak 23 April 2022 dan akan berakhir pada 29 April 2022 iaitu selama tujuh (7) hari. Rancak Aidilfitri ini juga melibatkan sehingga 100 lot tapak yang meliputi jualan produk-produk makanan, minuman, fesyen, produk kesihatan dan kecantikan, aksesori dan perhiasan, perabot dan hiasan dalaman. Selain jualan, banyak acara lain turut dianjurkan bagi memeriahkan lagi Rancak Aidilfitri ini.

13. Diantara program yang telah disusun ialah agihan sumbangan hari raya, agihan bubur lambuk, kayuhan ramadan dan berbagai lagi selain **Jualan Tanpa Henti selama 38 jam mulai 28 April 2022 hingga jam 12.00 tengah malam 29 April 2022**. Saya berharap orang ramai dapat mengambil kesempatan datang beramai-ramai untuk berbelanja dan memeriahkan program Rancak Aidilfitri ini selaras dengan tema **Belanja Untuk Malaysia**.

14. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada tuan-tuan dan puan-

puan yang hadir ke majlis pelancaran Program Jualan Malaysia “Rancak Aidilfitri” pada hari ini.

15. Saya juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sembilan, Majlis Perbandaran Seremban dan pihak pengurusan serta seluruh warga kerja AEON Co. (Malaysia) Berhad, khususnya AEON Mall Nilai kerana sudi bekerjasama untuk menyediakan lokasi bagi program ini.
16. Dengan ini, saya melancarkan **Program Jualan Malaysia “Rancak Aidilfitri”** dengan tema “**Rancak Sini, Rancak Sana, Sepanjang Masa Seluruh Negara**” dengan rasminya.

Sekian, terima kasih.

Disediakan Oleh:

*Sekretariat Perdagangan Pengedaran Dan Industri Perkhidmatan (SPIP)
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna*

25 April 2022